



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan  
Perubahan Iklim  
Batu 24, Jalan Dengkil,  
43800, Dengkil, Selangor



2 Ogos 2018  
Notis Pemberitahuan AELB  
Bil. 05/2018

## **KAWALAN AGENSI LATIHAN DI BAWAH LESEN KELAS H**

### **TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan mengenai kawalan di bawah lesen Kelas H bagi agensi latihan.

### **LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Lembaga pada tahun 2014 telah menetapkan supaya agensi latihan dilesenkan di bawah lesen Kelas H bagi mengawal secara lebih efektif kualiti latihan yang diberikan kepada pegawai perlindungan sinaran (PPS) dan penyelia sinaran (PY) di Malaysia. Lesen Kelas H adalah suatu lesen yang dikeluarkan bagi mengawal aktiviti-aktiviti yang tidak diliputi oleh lesen Kelas A hingga G sepertimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 11, Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986.
3. Penetapan kawalan di bawah lesen Kelas H ini adalah penting bagi memastikan pekerja terlatih yang peka dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), akan dapat dihasilkan melalui agensi latihan yang berlesen di bawah Akta 304 ini dan sekaligus menyumbang kepada kawalan keselamatan dan sekuriti secara lebih efektif di Malaysia. Penetapan ini adalah juga bagi

tujuan kawalan mutu dan jaminan pematuhan kepada silibus yang dibangunkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (JKPPPS).

## **KEPUTUSAN DAN ARAHAN AELB**

4. Lembaga dengan ini menetapkan bahawa agensi latihan adalah tertakluk kepada keperluan lesen Kelas H di bawah Akta 304.

## **PENGUATKUASAAN ARAHAN**

5. Penetapan ini berkuatkuasa mulai **2 Ogos 2018**.

## **PENUTUP**

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,  
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim  
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil

No. Tel : +603-89225888  
No. Faks : +603-89223685  
E-mel : [mnr-customer@aelb.gov.my](mailto:mnr-customer@aelb.gov.my)  
Laman Web : [www.aelb.gov.my](http://www.aelb.gov.my)